

Alumni pertingkatkan reputasi sekolah, prestasi pelajar



Felo Institut
Kecemerlangan Guru
dan Pemimpin dalam
Pendidikan UUM

Oleh Dr Mohd Fairuz Jafar
bhrencana@bh.com.my

Pendidikan adalah aspek penting dalam pembangunan negara dan ia dipasak oleh sekolah sebagai institusi asas pendidikan untuk melahirkan generasi berilmu dan berakhlak mulia.

Namun, kejayaan sekolah tidak hanya bergantung kepada usaha guru dan pelajar sahaja. Alumni atau bekas pelajar sekolah juga mempunyai peranan signifikan dalam membantu pembangunan pendidikan di sekolah.

Antara cara alumni membantu sekolah adalah melalui sumbangan kewangan untuk digunakan membiayai pelbagai program dan aktiviti sekolah seperti pembelian peralatan pembelajaran, pembinaan fasiliti baharu atau peningkatan infrastruktur.

Contohnya, alumni boleh mengadakan kutipan dana untuk sekolah supaya sekolah dapat menyediakan persekitaran pembelajaran lebih kondusif dan selesa untuk pelajar.

Alumni yang berjaya dalam bidang kerjaya masing-masing boleh kembali ke sekolah untuk memberikan bimbingan dan motivasi kepada pelajar. Program seperti sesi ceramah, bengkel kerjaya dan kaunseling boleh dianjurkan untuk membantu pelajar merancang masa depan mereka selain menjadi contoh dan inspirasi kepada pelajar.

Alumni sedang berada di universiti harus berfungsi untuk memberi sumbangan semula kepada

sekolah lama mereka. Usia alumni masih muda dan dekat dengan umur remaja lebih memahami pemikiran orang muda masa kini.

Justeru, komunikasi lebih berkesan mungkin dapat terbina dalam membantu kecemerlangan murid sekolah baik dari segi akademik dan sahsiah.

Selain itu, alumni berperanan membantu sekolah dengan membina jaringan sosial dan profesional untuk memberi peluang kepada pelajar mendapatkan maklumat menjalani latihan industri, mendapatkan biasiswa atau memperoleh pekerjaan selepas tamat pengajian.

Hal ini amat relevan dengan hasrat kerajaan dalam konteks memperluaskan program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk melahirkan tenaga kerja mahir.

Perluasan kolej vokasional di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) memberi peluang luas kepada usahawan terdiri daripada alumni untuk menawarkan tempat dan bantuan latihan industri kepada pelajar.

Sementara itu, aktiviti kokurikulum diketahui menjadi komponen penting dalam pembentukan sahsiah pelajar. Dalam hal ini, alumni boleh menyumbang dengan menyokong dan turut sama penganjuran aktiviti kokurikulum seperti sukan, kelas dan persatuan.

Pengalaman dan kemahiran alumni dalam bidang tertentu boleh dikongsi dengan pelajar melalui latihan atau ceramah. Ini bukan sahaja membantu pelajar meningkatkan kemahiran mereka, tetapi membantu membina keyakinan diri dan se-

mantang berpasukan.

Ketika sekolah turut berdepan masalah sosial dan disiplin pelajar, alumni yang aktif menyokong sekolah dapat menunjukkan kepada pelajar mereka adalah sebahagian daripada komuniti penting negara.

Ini boleh meningkatkan rasa bangga pelajar terhadap sekolah mereka dan menggalakkan mereka turut serta dalam aktiviti sekolah. Semangat kepunyaan ini penting dalam membina budaya sekolah positif dan menyokong perkembangan holistik pelajar.

Alumni yang berjaya boleh membantu meningkatkan reputasi sekolah kerana kejayaan mereka boleh menjadi cerminan kualiti pendidikan diberikan sekolah.

Apabila alumni berkongsi pengalaman dan kejayaan, ia boleh menarik minat masyarakat menghantar anak ke sekolah miliki reputasi baik terutama disiplin serta prestasi pelajarannya. Reputasi yang baik membantu sekolah mendapatkan sokongan pihak luar, syarikat korporat dan pertubuhan bukan kerajaan.

Tidak dapat dinafikan alumni sebenarnya memiliki peranan dalam arus pembangunan pendidikan sekolah sama ada memberi sumbangan kewangan, bimbingan dan motivasi, jaringan sosial dan profesional, sokongan aktiviti kokurikulum dan contoh teladan. Wujud keperluan untuk sekolah dan alumni bekerjasama dalam usaha membangunkan sahsiah pelajar lebih berdisiplin, beradab dan berintegriti demi melahirkan generasi masa depan berkualiti.